

Tindakan penguatkuasaan DBKL, tiada kompromi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja menyewa dan mendiami unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Wilayah Persekutuan daripada pemiliknya yang kebanyakan golongan 'orang kaya' yang menyalahi syarat menyewa premis, sekali gus menafikan hak golongan yang lebih layak mendapatnya.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya melalui DBKL amat prihatin terhadap masalah warga kota yang memerlukan rumah untuk didiami seperti di PPR dan PA serta tidak akan berkompromi dengan mereka yang menyalahgunakan dan menyalahi syarat menyewa premis.

"Tindakan rampasan unit dibuat sekiranya penyewa sedia ada melakukan kesalahan me-

'Orang kaya' sewa PPR

- 1,108 unit rumah dirampas
- Nafi hak golongan lebih layak

Oleh MAISAHAH SHEICH RAHIM

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Sebanyak 1,108 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Wilayah Persekutuan dirampas daripada pemiliknya yang kebanyakan golongan 'orang kaya' yang menyalahi syarat menyewa premis, sekali gus menafikan hak golongan yang lebih layak mendapatnya.

Kebanyakan pemilik terbahagi memiliki kediaman sendiri dan tidak gemintah menerima PPR berkenaan, sebaliknya menyerahkan premis tersebut kepada orang lain manakala ada yang membiarkan rumah berkenaan kosong atau menjadikannya sebagai rumah persinggahan.

Kesalahan itu meliputi 949 kes daripada sejumlah 1,108 unit PPR dan Perumahan Awam

(PA) yang dirampas sepanjang tiga tahun sejak 2019 hingga Jun tahun ini kerana didapati menyalahi syarat menyewa di perumahan tersebut termasuk di kategori kesalahannya.

Ia membabitkan tiga penyewa dalam golongan kedua kerana sudah mempunyai rumah lain tetapi mempunyai rumah sewa PPR sekali gus menafikan hak mereka yang lebih layak untuk mendapatkan tempat tinggal pada kadar lebih rendah terutamanya Kuala Lumpur.

Mendekatkan kepada Urusan Atelajaya, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shafiqah Hassan berkata, unit-unit rumah yang dirampas itu meliputi 949 kes pada tahun 2019, 312 kes 2020 dan 847 kes setahun ke belakang ini.

Bersambung di muka 2



Lengang

RIJANG menunggu di parkiran di kawasan luar bilik menunggu bilik sewanya sebelum tengah malam.

UTUSAN Malaysia
semalam.

nyalahi syarat antaranya tidak menetap lebih 14 hari, penghuni tidak sah iaitu menyewakan atau melepaskan pemilihan unit atau sebahagiannya kepada orang lain serta melakukan kesalahan seperti perbuatan musnah laku atau 'vandalisme',

membuang sampah merata-rata dan membuat halangan di koridor, tangga atau mana-mana tempat yang disediakan untuk kegunaan bersama," demikian kenyataan tersebut di sini semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia*

melaporkan, sebanyak 1,108 unit PPR di Wilayah Persekutuan dirampas daripada pemiliknya yang kebanyakannya golongan 'orang kaya' yang menyalahi syarat menyewa premis, sekali gus menafikan hak golongan yang lebih layak mendapatnya.

Kebanyakan pemilik terbabit memiliki kediaman sendiri dan tidak menduduki rumah PPR berkenaan, sebaliknya menyerahkan premis tersebut kepada orang lain manakala ada yang membiarkan rumah berkenaan kosong atau menjadikannya sebagai rumah persinggahan.

Kesalahan itu meliputi 949 kes daripada sejumlah 1,108 unit PPR dan Perumahan Awam (PA) yang dirampas sepanjang tiga tahun sejak 2019 hingga Jun tahun ini kerana didapati menyalahi syarat menyewa di perumahan tersebut melalui 11 kategori kesalahan.